



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bil 1/2025

BULETIN JSG

Jabatan Sains Gunaan
UiTM Cawangan Pulau Pinang



ISSN 2289-8964



9 772289 896001

Kualiti Akademik Aktiviti Sukan / Riadah

KANDUNGAN

• Dari Meja Koordinator	01
• Sekalung Penghargaan; Jasamu Dikenang, Sumbanganmu Dihargai	02
• Menjulung Amanah, Menyemai Harapan	03

KUALITI

• JSG Menjulung Penyelidikan Mencorak Masa Depan	04-07
• Perundingan & Kepakaran	08-11
• Penulisan & Penerbitan	12-14
• Penyeliaan Pelajar	15-17
• Penyeliaan Industri	18-19
• Pencapaian & Anugerah	20-21
• Anugerah Felo IKM	22
• Inovasi Pengajaran & Pembelajaran	23
• Inovasi Keusahawanan	24

AKADEMIK

• MOU Signing; UiTM - MCE	25-27
• Pengajaran Kolaboratif	28
• Bengkel Perancangan Strategik	29-30
• Bengkel TOT Misi Akademik JSG 2024	31-32
• K2M Zon Utara	33-34
• JSG @ ESKU 2024	35
	36-37

AKTIVITI

• Promosi program akademik Pra Diploma Sains & Pra Diploma Sains STEM Sastera	36-37
• Sinar Kasih 1.0	38-39
• A DAY IN UITM CPP 2024: Mendekatkan UiTM kepada Komuniti Luar Bandar	40-41
• Program Explorasi Ilmu Sempena Hari Kanak-kanak	42
• Ziarah Kasih Ramadan 2024 Pelajar Pra Diploma Sains	43-44
• Lawatan Ilmu Sinar Kasih	45-46
• Free Market 8.0	47
• Kemeriahan Aidilfitri bersama pelajar PPT	48-49

SUKAN/RIADAH

• Team Building @ Batu Kurau	50-51
• Sukan Antara Fakulti UiTM Caw. Pulau Pinang	52-53
• KESUTRA 2024	54-55
• SASPEN 2024	56



A DAY IN UiTM CPP 2024:

Mendekatkan UiTM kepada Komuniti Luar Bandar

4 Jun 2024, UiTM Cawangan Pulau Pinang – Program Khidmat Masyarakat Kolaboratif TVET: Jom Masuk UiTM – A Day in UiTM CPP 2024 anjuran Jabatan Sains Gunaan dan Unit Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan Besar dengan menghimpunkan seramai 250 peserta, termasuk 166 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) daripada 25 buah sekolah sekitar Daerah Seberang Perai Utara (SPU), guru, pegawai PPD serta wakil daripada rakan-rakan strategik terdiri daripada HRD Corp Sdn. Bhd., Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) dan Kesatuan Kakitangan Umum UiTM CPP.



Inisiatif ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar luar bandar tentang peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan di UiTM, khususnya melalui laluan Program Pra Diploma. Sepanjang program berlangsung, pelajar diberi motivasi dan maklumat melalui slot "Jom Skor A SPM", forum halatuju selepas SPM, pameran akademik dan pameran rakan strategik, serta sesi pengisian permohonan kemasukan ke UiTM secara dalam talian.

Menariknya, aktiviti sampingan seperti "Campus Tour" dan Pertandingan Wefie: A Day in UiTM CPP berjaya menceriakan suasana dan meningkatkan interaksi antara pelajar sekolah dan warga UiTM. Program ini turut menerima sokongan daripada pelbagai rakan kolaborasi seperti PPD SPU, HRD Corp, YAPEIM, dan Kesatuan Kakitangan Umum UiTM CPP, dengan tajaan keseluruhan bernilai RM2,500. Peruntukan ini digunakan sepenuhnya bagi menyediakan makanan peserta, hadiah, bahan promosi dan keperluan logistik.

Secara keseluruhan, program ini memberi manfaat besar kepada pelajar luar bandar bukan sahaja dari segi pendedahan akademik, tetapi juga sebagai satu bentuk motivasi menjelang peperiksaan SPM 2024. Ia turut menyumbang kepada pencapaian Petunjuk Prestasi UiTMCPD dalam aspek tanggungjawab sosial universiti (USR) dan promosi laluan kemasukan ke UiTM. Semoga program seperti ini dapat diteruskan dan diperluaskan lagi pada masa hadapan demi merakyatkan pendidikan tinggi serta melahirkan generasi pelajar luar bandar yang lebih bersedia, bermotivasi dan berdaya saing.



Hakmilik © 2025 oleh Jabatan Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang,
Penang, MALAYSIA.

Hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, disimpan
dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk atau apa-apa cara, elektronik, mekanik,
fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu, secara bertulis, dari penerbit.
Diterbitkan pada 30 JUN 2025

UNIT PENERBITAN
JABATAN SAINS GUNAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG
PENANG, MALAYSIA

